

12.10.2020

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

PEMBALAKAN DI ULU MUDA: HENTIKAN KEDAH DARI ANCAM BEKALAN AIR KEPADA 4.2 JUTA RAKYAT

- **Video Menteri Besar Kedah baru-baru ini untuk “menjelaskan” perjalanan ke Ulu Muda mendedahkan lebih 25,553 hektar (ha.) daripada seluas 160,000 ha. (16%) hutan hujan di Ulu Muda ditebang.**

PULAU PINANG, Isnin, 12.10.2020: Kerajaan Persekutuan mesti menghalang Kerajaan Negeri Kedah daripada membenarkan pembalakan di dalam Kompleks Hutan Ulu Muda (Ulu Muda) dengan segera.

Adalah amat jelas sebarang bentuk aktiviti pembalakan di Ulu Muda mengancam bekalan air di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang kerana Ulu Muda adalah kawasan tadahan air terpenting di utara Malaysia.

Ingin diulangi, pembalakan di Ulu Muda akan membahayakan:

- Kehidupan dan mata pencarian 4.2 juta orang yang tinggal di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang;
- Semua aktiviti ekonomi, termasuk industri pembuatan, pelancongan, peruncitan dan perkhidmatan berteknologi tinggi di ketiga-tiga negeri, serta penanaman padi; dan
- Semua projek sosio ekonomi yang dirancang di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

Krisis bekalan air di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang akan menyebabkan penderitaan yang tidak perlu bagi rakyat dan perniagaan mungkin menanggung kerugian berbilion-bilion ringgit. Tiga Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan akan mengalami kerugian dalam pendapatan cukai.

Untuk rujukan, gabungan sumbangan KDNK dari 3 negeri tersebut dianggarkan berjumlah RM147.8 bilion pada tahun 2019.

Inilah sebabnya Kerajaan Negeri Kedah dan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) yang terdahulu telah mengumumkan larangan pembalakan di Ulu Muda pada bulan September 2018.

Malangnya, video 7.10.2020 yang disiarkan di laman Facebook “MuhammadSanusiMohdNor” telah mendedahkan pembalakan akan dijalankan semula. Dalam video itu, Menteri Besar Kedah cuba membuat justifikasi lawatannya ke Ulu Muda baru-baru ini.

Perubahan besar dari pemuliharaan kepada pembalakan?

YAB Muhammad Sanusi menyatakan, pembalakan seluas 25,553 ha. daripada 160,000 ha. hutan hujan telah diluluskan di Ulu Muda. Ini bermaksud 16% hutan hujan di Ulu Muda kini “terbuka untuk pembalakan.”

Ini adalah perkembangan yang membingungkan dan membimbangkan.

Pada 26.8.2020, Menteri Besar Kedah telah dipetik dalam laporan berita yang menyatakan Kedah memohon pampasan sebanyak RM100 juta dari Kerajaan Persekutuan kerana memulihara Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air wilayah. Malahan, pada 28.8.2020, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) mengeluarkan siaran media menyokong cadangan Kedah memohon RM100 juta untuk memulihara 160,000 ha. hutan hujan di Ulu Muda.

Belum 2 bulan berlalu. Kini, Menteri Besar Kedah mengatakan bahawa:

- Beliau ingin memperluas zon penampungan di tebing Sungai Muda di Ulu Muda untuk mencegah pemendapan daripada aktiviti pembalakan dan pembangunan tanah sehingga mempengaruhi kualiti air sungai.
- Pembalakan telah memasuki semula Ulu Muda, dan sedang membina jalan untuk membawa masuk mesin dan mengangkut kayu balak keluar.
- Kayu balak yang dirampas dari aktiviti pembalakan haram harus dijual untuk mengelakkan kerugian kepada Kerajaan Negeri Kedah.

Elak bencana alam sekitar dan krisis air

Izinkan saya menjelaskan bahawa “Ulu Muda” adalah kawasan tadahan air dan “Sungai Muda” adalah sungai strategik.

Dalam bahasa mudah, hutan hujan Ulu Muda “mengumpul” air hujan yang kemudian mengalir ke Sungai Muda. Selain menyalurkan air hujan ke sungai, seluas 160,000 ha. hutan hujan juga secara semula jadi “menahan dan menyimpan” air. Peratusan kelembapan di hutan hujan akhirnya menyejat untuk membentuk awan hujan yang membawa hujan. Ini adalah kitaran hidrologi semula jadi, dan ia menerangkan mengapa kita biasanya berasa panas dan lembap di hutan hujan.

Oleh itu, jika hutan hujan ditebang oleh pembalok, akan terjadi bencana alam sekitar di Ulu Muda.

Kejadian bencana alam sekitar ini mungkin termasuk gangguan sistem hidrologi semula jadi di Ulu Muda; hakisan tanah yang meluas; aliran air dan banjir yang tidak terkawal; kontaminasi dan pencemaran air sungai; serta pemendapan dan kelodak sungai yang deras yang akan menjejaskan kedalaman Sungai Muda.

Impaknya termasuk:

- Hujan berkurangan di Ulu Muda,
- Kurang air mentah mengalir ke (dan dari) Sungai Muda,
- Kualiti air sungai yang amat terjejas,
- Iklim mikro yang lebih panas di rantau ini yang akan menyebabkan lebih banyak air hilang melalui penyejatan, dan
- Akhirnya, kurangnya air mentah untuk Perlis, Kedah dan Pulau Pinang untuk perkhidmatan bekalan air.

Pada musim kemarau yang berlaku setiap tahun dari bulan Januari hingga Julai, Perlis, Kedah dan Pulau Pinang sangat bergantung kepada air mentah dari Empangan Muda yang menyimpan air mentah bagi Sungai Muda. Pada tahun 2020, kita telah melihat dan mengalami “tanda-tanda amaran” perubahan iklim dan kesannya terhadap bekalan air. Pada 14.4.2020, kapasiti efektif Empangan Muda menjunam kepada hanya 4.4%.

Oleh yang demikian, pemuliharaan Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air NCER harus menjadi keutamaan, jika fokusnya adalah pada kesejahteraan rakyat dan ekonomi NCER.

Fokus pada “perkara menyeluruh”

Ini terbukti bahawa Menteri Besar Kedah kini menumpukan untuk memaksimumkan keuntungan dari pembalakan. Beliau memfokuskan pada harga kayu dari pokok mati dan bukannya nilai 160,000 ha. hutan hujan hidup di Ulu Muda.

Yang pasti, tidak perlu mengkaji semula kelebaran zon penampungan di sepanjang tebing Sungai Muda jika tiada pembalakan di Ulu Muda. Adalah salah untuk mempercayai, atau menyebabkan sesiapa sahaja untuk mempercayai, Sungai Muda lebih penting daripada Ulu Muda; atau keduanya adalah bahagian yang boleh dipisahkan dari aset bekalan air yang paling penting di NCER.

Secara teori, semakin banyak hutan hujan yang ditebang di Ulu Muda, semakin sedikit air yang akan mengalir melalui Sungai Muda kerana keduanya saling berkaitan. Adalah tidak rasional untuk berfikir bahawa kita boleh memulihara Sungai Muda dengan merosakkan Ulu Muda.

Rasionaliti perlu wujud. Kerajaan Persekutuan mesti segera bertindak untuk menghalang Kerajaan Negeri Kedah daripada memusnahkan kawasan tadahan air yang tidak ternilai harganya.

Kita mesti melihat “perkara menyeluruh”: Ulu Muda mesti dilindungi dan dipulihara untuk mengelak krisis air yang belum pernah berlaku sebelumnya yang mengancam kesejahteraan tiga negeri NCER.

Kepentingan rakyat, perniagaan dan ekonomi harus diutamakan dan dilindungi, pada zaman perubahan iklim dan wabak Covid-19 global.

Larangan pembalakan di Ulu Muda perlu dikembalikan semula, sepenuhnya dan selama-lamanya.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

Tel : Unit Komunikasi Korporat
04-200 6607 Email : syarifah@pba.com.my